

WE ARE YOUR DOL

NEW YORK STATE Department of Labor

# GAJI MINIMUM BAGI PEKERJA YANG MENERIMA TIP

1/1/24-31/12/24

Dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024, minimum kadar mengikut jam yang majikan perlu bayar kepada pekerja yang menerima tip adalah seperti yang ditunjukkan di bawah.

## INDUSTRI HOSPITALITI

	Bandar New York	Long Island dan Daerah Westchester	Negeri New York yang Selebihnya
<b>Pekerja Perkhidmatan</b>	\$13.35 Gaji Tunai \$2.65 Kredit Tip	\$13.35 Gaji Tunai \$2.65 Kredit Tip	\$12.50 Gaji Tunai \$2.50 Kredit Tip
<b>Pekerja Perkhidmatan Makanan</b>	\$10.65 Gaji Tunai \$5.35 Kredit Tip	\$10.65 Gaji Tunai \$5.35 Kredit Tip	\$10 Gaji Tunai \$5 Kredit Tip

\*Untuk maklumat lanjut tentang piawaian gaji minimum dalam industri ini dan industri lain, sila layari: <https://dol.ny.gov/minimum-wage-0>

## MENGGABUNGAN GAJI TUNAI DAN KREDIT TIP UNTUK MEMENUHI GAJI MINIMUM

Undang-undang Negeri New York membenarkan majikan dalam semua industri selain daripada perkhidmatan bangunan untuk memenuhi gaji minimum dengan menggabungkan "gaji tunai" yang dibayar oleh majikan dengan kredit atau elaun untuk tip yang pekerja terima daripada pelanggan. Sebagai contoh, gaji minimum untuk pekerja perkhidmatan makanan di Bandar New York ialah \$16.00 sejam. Majikan mereka boleh memenuhi gaji minimum dengan menggabungkan gaji tunai sekurang-kurangnya \$10.65 beserta elaun tip yang tidak melebihi \$5.35 sejam.

## PENGEHADAN ATAS KREDIT TIP DALAM INDUSTRI HOSPITALITI

Majikan dalam industri hospitaliti tidak boleh mengambil kredit tip untuk:

- Hari apabila pekerja menerima tip menghabiskan lebih daripada dua jam atau dua puluh peratus syif untuk melakukan kerja tanpa tip
- Minggu apabila pekerja perkhidmatan menerima tip purata kurang sejam daripada yang berikut:

## PURATA TIP SEJAM

	Bandar New York	Long Island dan Daerah Westchester	Negeri New York yang Selebihnya
<b>Di hotel peranginan</b>	\$8.95	\$8.95	\$8.40
<b>Di restoran dan hotel sepanjang tahun</b>	\$3.45	\$3.45	\$3.20

## **PENGEHADAN ATAS KREDIT TIP DALAM INDUSTRI LAIN**

Kredit tip tidak tersedia dalam Industri perkhidmatan bangunan.

Kredit tip tidak tersedia apabila tip mingguan purata kurang daripada jumlah minimum yang ditentukan untuk lokasi dan saiz majikan.

**Harap Maklum: Mulai 31 Disember 2020, elaun tip tidak dibenarkan dalam industri kepelbagaian (semua industri lain kecuali hospitaliti, pekerja ladang dan perkhidmatan bangunan). Majikan tidak dibenarkan untuk menyimpan atau menahan sebarang bahagian tip yang diterima oleh pekerja.**

## **LEBIH MASA**

Untuk pekerja yang menerima tip, majikan perlu membayar jam lebih masa bekerja sebanyak satu perpuluhan lima daripada kadar gaji minimum, tidak termasuk kredit tip yang berkenaan.

## **UNTUK MAKLUMAT LANJUT**

Jika anda memerlukan bantuan tambahan, atau ingin memfailkan aduan, sila hubungi **1-888-4NYSDOL (1-888-469-7365)** atau layari [www.labor.ny.gov/minimumwage](http://www.labor.ny.gov/minimumwage).